

15 JUL 2002

Agong-Sarawak (Bergambar)

AGONG BERLEPAS KE SARAWAK UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid berlepas ke Sarawak pagi ini untuk lawatan empat hari.

Seri Paduka berdua yang menaiki jet eksekutif berlepas dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa menteri kabinet berada di pangkalan TUDM itu untuk mengucapkan selamat berangkat kepada Seri Paduka berdua.

Menteri Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie ialah menteri pengiring.

Sejurus selepas itu, Perdana Menteri berlepas ke Kedah.

Di KUCHING, ketibaan Seri Paduka berdua disambut oleh Yang Dipertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin dan isteri Toh Puan Norkiah, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Sri Laila Taib, menteri-menteri negeri, pegawai kanan kerajaan serta rakyat jelata.

Sejurus selepas ketibaan, Tuanku Syed Sirajuddin memeriksa perbarisan kehormat terdiri daripada 101 anggota dan empat pegawai diketuai Mej Md Hanafi Shamsudin dari Batallion ke-13 Regimen Askar Melayu Diraja.

Yang di-Pertuan Agong memulakan acara lawatan dengan menerima menghadap Yang Dipertua Negeri, Ketua Menteri dan anggota kabinet negeri di hotel penginapan Seri Paduka sebelum majlis santapan tengah hari.

Pada sebelah petang Seri Paduka akan mendengar taklimat pembangunan di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya manakala Tuanku Fauziah akan melawat pejabat Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak.

Malam ini Seri Paduka berdua akan menghadiri Majlis Santapan Negeri di Dewan Santapan, Dewan Undangan Negeri, Petra Jaya untuk meraikan lawatan Seri Paduka.

Ini adalah lawatan kedua Yang di-Pertuan Agong ke Sarawak dalam masa dua bulan. Pada Jun lepas Seri Paduka datang ke Sarawak bagi menghadiri Rumah Terbuka Gawai Dayak anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan.

Pada lawatan kali ini selain Kuching Seri Paduka akan turut melawat Bintulu dan Miri. Antara destinasi lawatan di sana ialah loji penyulingan gas asli cecair milik Malaysia LNG Sdn Bhd dan Taman Negara Mulu.

Yang Di-Pertuan Agong dijadualkan pulang ke ibu negara pada hari Khamis.

-- BERNAMA

MT NMO